

Sasaran MYAGROSIS

Lahir usahawan siswazah tani moden berpendapatan tinggi, berdaya saing

Oleh Mohamad Hussin

mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Kelab Usahawan Siswazah Tani (MYAGROSIS) menasarkan melatih siswa menjadi usahawan siswazah tani moden yang berkeyakinan dan berdaya saing.

Impaknya untuk melahirkan generasi usahawan siswazah tani moden berpendapatan tinggi dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Program kerjasama menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) itu platform terbaik membentuk usahawan tani berdaya saing.

Kelab ini diperkembangkan di 20 universiti awam (UA) di seluruh negara dan 15 Institut Latihan Pertanian Negara (ILP) di bawah Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC).

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Tan Sri Badruddin Amiruluddin berkata, kesedaran terhadap kepentingan pertanian sebagai enjin ketiga kepada ekonomi negara memerlukan golongan belia dalam menjamin kesinambungan kepentingan sektor ini.

Beliau berkata, sejajar dengan matlamat Wawasan 2020, keperluan menjana golongan belia berilmu sebagai pelapis dan peneraju dalam merealisasikan transformasi pertanian kearah sektor lebih moden dan berteknologi tinggi.

"Ia menjadi titik tolak kepada penubuhan program MYAGROSIS. Program ini berperanan sebagai pemangkin kepada proses perembahan minat dan pembabitan siswa di IPTA/ILP dalam projek Agropertanian melalui MYAGROSIS.

"Pemupukan minat, kecenderungan dan pembabitan terus golongan graduan dan siswazah sebagai pelapis dan pewaris dalam sektor ini akan dapat meneruskan proses transformasi pertanian ke arah sektor yang lebih moden, berteknologi tinggi, dinamik dan berdaya saing secara global.

"Menjelang 2020, disarankan 20,000 siswa dan



BADRUDIN

graduan UA menjadi ahli MYAGROSIS yang akan menjadi kumpulan peneraju dalam pencapaian usaha murni ini," katanya.

Menurutnya, siswazah IPTA/ILP sebagai generasi usahawan tani moden berkemahiran dan mampu menjana pendapatan tinggi dalam bidang pertanian menjelang 2020.

"Tujuan kelab ini untuk memupuk minat dalam bidang keusahawanan pertanian dalam kalangan siswa IPTA/ILP sejarah dengan slogan 'Pertanian Adalah Perniagaan'.

"Memberi pendedahan



TIMBALAN Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA, Ab Razak Ab Majid (depan lima dari kiri) bersama kakitangan dan siswa yang terbabit dalam MYAGROSIS di Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Seremban 3.

asas kepada siswa IPTA/ILP dalam bidang pertanian yang boleh dijadikan sebagai pilihan kerjaya utama.

"Ia juga memberi kesedaran kepada siswa IPTA/ILP tentang peranan dan perhatian kerajaan terhadap kepentingan golongan belia dan siswa sebagai pe-

lapis dalam kemajuan industri makanan negara," katanya.

Badrudin berkata, ia bagi membantu meningkatkan nilai keusahawanan dan asas tani dalam kalangan siswa serta mendorong kelahiran usahawan tani yang moden, dinamik dan berdaya saing.

"Melalui MYAGROSIS di UA, siswa yang berminal menjadi ahli menerima kad keahlian MYAGROSIS yang dikeluarkan AGROBANK.

"Projek yang berdasarkan pertanian dan keusahawanan dipilih dan dijalankan dalam kawasan UA secara bersama dengan jabatan dan agensi MOA sebagai pembimbing," katanya.

Beliau berkata, peruntukan bagi pelaksanaan projek pada peringkat awal disalurkan ke dalam akaun kelab sebagai modal pusin-

gan pengurusan projek seterusnya.

"Projek K-Shoppe di bawah Agro Niaga ditetapkan sebagai projek pertama yang wajib dijalankan di semua UA sebagai projek perintis.

"Projek lain di bawah MYAGROSIS merangkumi bidang pertanian, peruncitan, perindustrian, pemprosesan, pemasaran dan industri asas tani (IAT).

"Agro Ladang merangkumi bidang perniagaan tani penanaman, perikanan, penternakan landskap dan florikultur manakala

Agro Inovasi merangkumi bidang perniagaan tani berdasarkan kreatif tani, inovasi penyelidikan dan pembangunan (R&D), pelabuhan, pembungkusan dan pembaharuan produk serta pemodenan mesin asas pertanian yang bersaiz kecil," katanya.



AB Razak (tiga dari kiri) melancarkan MYAGROSIS.

Info



Faedah yang diperoleh ahli MYAGROSIS selepas tamat pengajian:

- Mendapat keutamaan meneruskan program latihan secara terus di peringkat lapangan berdasarkan kepada bidang perniagaan tani bersama program Inkubasi Usahawan Tani kelolaan UPM.
- Mendapat keutamaan 'green lane' dalam permohonan pinjaman projek pertanian daripada Agrobank dan TEKUN.
- Mendapat perkhidmatan bantuan daripada jabatan dan agensi di bawah MOA.
- Mendapat jaringan peluang perkhidmatan, rangkaian dan maklumat pasaran dengan mudah.
- Mendapat keutamaan dalam penyertaan projek pertanian, pembungkusan, pemasaran dan teknologi pertanian di bawah program diatur jabatan dan agensi di MOA.

Ahli MYAGROSIS

- Terbuka kepada semua mahasiswa IPTA/ILP.
- Pembukaan akaun di AGROBANK sebanyak RM30.
- Menerusi pembukaan akaun itu, RM20 akan didepositkan ke akaun ahli.
- Turut diberikan kemeja dan topi MYAGROSIS, kad keahlian (seumur hidup) dan kad ATM AGROBANK.
- Dengan memiliki kad keahlian yang dibuat dengan kerjasama AGROBANK, rekod siswazah dimuat dalam cip bagi memudahkan pinjaman.